

NOTIS SEBUT HARGA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PAIP SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI
DAERAH BATU PAHAT BAGI 100MM ND UPVC DI LORONG IBRAHIM, KG. TELUK BULUH,
MINYAK BEKU, BATU PAHAT JOHOR**

SEBUT HARGA JANM BIL. 7/2025

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada Kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai:

- 1.1. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK),
- 1.2. Sijil Taraf Bumiputera (STB),
- 1.3. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

dalam **Kategori Kejuruteraan Awam (CE)** mengikut gred dan had nilai perolehan berikut:-
Gred Nilai Perolehan: **G2** (Alamat pendaftaran di Negeri Johor sahaja)

Pengkhususan: **CE20 - Sistem Bekalan Air**

CE21 - Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam

Kategori Permit: **Sijil SPAN C3**

(Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup iklan ini)

2. Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Walau bagaimanapun, kontraktor boleh melawat sendiri kawasan/tapak di alamat **Lorong Ibrahim, Kg. Teluk Buluh, Minyak Beku, Batu Pahat, Johor**. Pegawai yang boleh dihubungi ialah Ir. Shahrulnizam bin Mohd Ishak/ Encik Akmal Haris bin Zainal (No. Telefon: 03-3217 2028 / 03-3217 2035).
3. Kontraktor yang berminat dan mematuhi syarat yang ditetapkan di para 1, hendaklah mengemukakan permohonan beserta salinan sijil di para 1.1 hingga 1.3 ke emel perolehan@anm.gov.my bermula **2 Julai 2025 jam 12.00 tengah malam** sehingga **4 Julai 2025 jam 11.45 malam sahaja**.
4. Dokumen Sebut Harga dengan nombor siri akan dihantar melalui **emel rasmi syarikat yang aktif sahaja (emel persendirian tidak dibenarkan)** selewat-lewatnya pada **7 Julai 2025 jam 12.00 tengah hari**. Kontraktor yang layak boleh mengemukakan dokumen Sebut Harga mulai **7 Julai 2025 hingga 14 Julai 2025**.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebut Harga tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 14 Julai 2025 (Isnin)** ke alamat seperti berikut:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Tingkat 8, Menara Tabung Haji,
Lot 20485, Jalan Air Molek, Bandar Johor Bahru,
80000 Johor Bahru, Johor

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



Noorlida binti Mohd Khalid C.A.(M)

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

Tarikh: **26** Jun 2025